

NO. SOALAN: 121

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA: DATO' SRI AZALINA BINTI DATO'
OTHMAN SAID [Pengerang]**

RUJUKAN : 7263

SOALAN:

**Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) kaedah pelupusan yang dipraktikkan oleh PDRM untuk melupuskan komputer-komputer dan mesin-mesin perjudian yang dirampas setelah mendapat arahan mahkamah untuk dilupuskan; dan

(b) sejauh manakah panduan Jabatan Alam Sekitar diikuti memandangkan barangan tersebut mengandungi komponen-komponen elektronik dan dikategorikan sebagai e-waste.

JAWAPAN:

Bagi menjawab soalan (a), berdasarkan peruntukan Seksyen 16A, Akta Rumah Judi Terbuka 1953 penyitaan dan pemusnahan barang rampasan mesin perjudian sama ada terdapat pertuduhan atau tidak hendaklah berdasarkan arahan dari Majistret kepada Ketua Polis Daerah. Bagi kes-kes di mana tiada pertuduhan, notis 14 hari juga perlu diberikan kepada orang dari mana mesin komputer tersebut dirampas sebelum majistret boleh memerintahkan ianya dirampas dan dilupuskan. Undang-undang adalah senyap mengenai cara bagaimana barang rampasan boleh dimusnahkan di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Namun begitu pihak PDRM sedar mengenai arahan dari Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 24 September 2010, Ruj: KK/BKP 10/535/20/15(9) berhubung pelupusan aset yang dikategorikan sebagai buangan berjadual. Berdasarkan senarai aset yang dikategorikan, komputer dan aksesoriya adalah juga dianggap sebagai buangan berjadual. Menurut arahan tersebut pelupusan buangan ini hendaklah dilakukan oleh premis pemerolehan kembali yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) sahaja.

Bagi menjawab soalan (b), PDRM akan sentiasa mendapatkan nasihat pihak Jabatan Alam Sekitar sebelum pelupusan sesuatu barangan yang dianggap buangan berjadual.

Setakat ini prosedur yang dilakukan untuk pelupusan barangan komputer adalah dengan memusnahkannya secara fizikal dan seterusnya dikambus dalam suatu lubang tanah.